



PETIKAN TITAH



Dalam masa kita bersukaria menyambut 'Idil Fitri, kita hendaknya tidak melupakan nasib sebilangan umat Islam yang ditimpa musibah dan kesengsaraan, seperti umat Islam di bumi Palestin. Sebagai orang Islam yang beriman, kita patut memberi perhatian kepada sabda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* riwayat al-Bukhari maksudnya, *bahawa tidak sempurna iman seseorang kecuali dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri*.

Sekurang-kurangnya kita mesti mendo'akan mereka. Do'a hanyalah sekecil-kecil ikhtiar untuk membantu saudara-saudara seagama, namun ia mustahak sebagai sifatnya 'senjata' bagi orang-orang beriman.

Menyentuh mengenai sikap prihatin, Beta menyambut baik tema sambutan 'Idil Fitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun ini, yang menekankan dua nilai kemanusiaan iaitu "Pemedulian dan Prihatin" yang memang sudah menjadi darah daging kepada kita orang-orang Brunei, selaku warisan turun temurun dari nenek moyang.

Beta bangga dengan penglibatan para belia kita melaksanakan pelbagai inisiatif kesukarelawanan seperti membantu golongan yang memerlukan di negara sendiri sehingga ke luar negara, misalnya mengumpulkan sumbangan dan pengendalian penghantaran ke bumi Palestin. Beta ucapkan syabas kepada mereka.

Beta difahamkan kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan telah menerapkan program insaniah dan kemasyarakatan dalam aktiviti kokurikulum pelajar bagi meningkatkan kecerdasan rohani dan fizikal pelajar. Inisiatif ini pada hemat Beta, adalah perlu untuk diteruskan dan dikembangluaskan lagi dalam menggalakkan dan membudayakan sikap prihatin dan pemedulian.

Pelaksanaan program insaniah dan kemasyarakatan ini hendaknya tidaklah terhad kepada satu bidang sahaja, iaitu program membantu golongan yang memerlukan yang sering kita dengar dan saksikan. Disana terdapat banyak lagi bidang yang perlu diteroka dan perbaiki, misalnya bidang keagamaan, keusahawanan, teknologi, kebudayaan, sukan dan alam sekitar.

**TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Sempena Sambutan Hari Raya 'Idil Fitri 1445H/2024M Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Pada Hari Isnin, 12 Syawal 1445H / 22 April 2024M**

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA KEWANGAN KEPADA ANAK-ANAK YATIM DAN ORANG KURANG BERKEMAMPUAN

TANJUNG BUNUT, Isnin, 21 Ramadan 1445 / 1 April 2024 - Pada menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal dan golongan kurang berkemampuan tetap menjadi tumpuan utama semua pihak di negara ini termasuk pihak kerajaan, swasta mahupun badan-badan NGO bagi sama-sama berkongsi rezeki dan meraih manfaat serta ganjaran yang besar dari Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi di bulan suci Ramadan ini.

Keceriaan itu jelas terlihat pada seramai 61 penuntut Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang terdiri daripada 13 anak yatim, 47 orang kurang berkemampuan dan seorang balu dari pusat berkenaan yang menerima sumbangan derma masing-masing pada majlis yang diadakan di Surau Pusat Ehsan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.



MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN, MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA KEWANGAN KEPADA ANAK-ANAK YATIM



BERAKAS, Selasa, 22 Ramadan 1445 / 2 April 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan telah mengunghkayahkan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Kewangan Kepada Anak-Anak Yatim Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Bagi Tahun 1445H/2024M bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis ini diadakan bagi memperingati Nuzul Al-Quran yang merupakan salah satu acara kebesaran Islam yang lazim diraikan di negara ini. Majlis ini juga diselajurkan dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang telah menamatkan tadarus yang dijalankan sepanjang bulan Ramadhan dan seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta penerima-penerima sumbangan derma.

MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

Rabu, 03 April 2024 di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BERAKAS, Rabu, 23 Ramadan 1445 / 3 April 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 daripada Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha -Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli-ahli Bersekutu di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan berjumlah Empat Ribu Satu Ratus Lapan Puluh Ringgit (BND\$4,180.00) disampaikan oleh YM Pengiran Datin Hajah Salwana binti Pengiran Haji Ibrahim selaku wakil Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli-ahli Bersekutu. Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli kumpulan.



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Ramadan 1445 / 3 April 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Sejarah Brunei telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil Untuk Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertempat di Kubah Makam Diraja.



Hadir selaku Ketua Rombongan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap serta Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN BELIA DI BULAN RAMADAN 1445H/2024M



TUTONG, Isnin, 28 Ramadan 1445 / 8 April 2024 - Dalam usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Belia di Bulan Ramadan 1445H/2024M bertempat di Masjid Ar-Rahim, Kampong Bukit Panggal.

Hadir ialah Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Tetamu Kehormat. Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap serta Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADAN DI KEEMPAT-EMPAT DAERAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN TAHUN 1445/2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Ramadan 1445 / 8 April 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan secara serentak di keempat-empat daerah bagi tahun 1445H/2024M bagi menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan asas kepada 17 buah keluarga daripada golongan susah yang tersenarai di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) termasuklah penerima bantuan kebajikan bulanan, anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).



DAERAH TEMBURONG

Di Daerah Temburong, sebanyak 4 buah rumah telah dikunjungi yang diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.



DAERAH TUTONG

Bagi Daerah Tutong, rombongan Kembara Amal Ramadan diketuai ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebanyak 5 buah rumah dikunjungi yang dimulai dari Kampung Bukit Beruang, Kampung Serambangun, Kampung Luagan Dudok, Kampung Bakiau Kiudang dan Kampung Kupang.



DAERAH BELAIT

Kembara Amal Ramadan di Daerah Belait diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Sebanyak 4 buah rumah telah dikunjungi bagi menyampaikan sumbangan tersebut yang dimulakan dari Kampung Sungai Teraban, STKRJ Mumong 'A', Jalan Keruak, RPN Panaga, Seria dan Jalan Nakhoda Manis, Seria.

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Rombongan di Daerah Brunei Muara pula diketuai oleh Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kesukanan).

Kembara ke 4 buah rumah bermula dari Jalan Limau Manis, Kampung Pengkalan Batu, Kampung Lumapas B, Kampung Perpindahan Lambak Kanan dan Kampung Pulaie.

Program ini merupakan program tahunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memperkukuhkan ikatan di antara pihak kerajaan dan masyarakat yang memerlukan. Diharapkan sumbangan ini dapat meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriang dan kesyukuran.



PROGRAM 60 MINIT BERSAMA AL-QURAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Ramadan 1445 / 9 April 2024 – Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Perpustakaan telah mengadakan Program 60 Minit Bersama Al-Quran secara maya melalui Aplikasi Zoom dan penstriman langsung melalui Facebook, Instagram dan Youtube Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Walsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS.

JERAYAWARA "KESIHATAN MENTAL & KESEJAHTERAAN DI TEMPAT KERJA—SATU HAK ASASI"

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Syawal 1445 / 18 April 2024 - Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama Perkhidmatan Psikiatri Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Psikologi Masyarakat, Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Jerayawara "Kesihatan Mental & Kesejahteraan di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi" bersempena dengan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023.

Jerayawara diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tema jerayawara tersebut dipilih untuk meningkatkan kesedaran, pencegahan dan pengurusan mental dan kesejahteraan diri, dan mengurangkan stigma serta pandangan negatif terhadap kesihatan mental khususnya di kalangan warga perkhidmatan awam.



MAJLIS PEMBUKAAN PERSIDANGAN SAINS SUKAN DAN PERUBATAN 2024



MAJLIS PEMBUKAAN PERSIDANGAN SAINS SUKAN DAN PERUBATAN 2024
Rabu, 24 April 2024 di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel.



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Syawal 1445 / 24 April 2024 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah menganjurkan Persidangan Sains Sukan dan Perubatan, Brunei Darussalam 2024 'Sports Science and Medicine Conference Brunei Darussalam 2024' bertempat di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat Jawatankuasa Kerja Persidangan Sains Sukan dan Perubatan 2024.



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkb_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

MAJLIS MAKAN MALAM PERSIDANGAN SAINS SUKAN DAN PERUBATAN 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Syawal 1445 / 24 April 2024— Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024 anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) diadakan selama dua hari pada 24 dan 25 April 2024, yang mana seramai sembilan orang ahli Asian Federation Sports Medicine (AFSM) dan dua orang ahli panel dari Negara Brunei Darussalam telah dijemput sebagai penceramah jemputan bagi persidangan tersebut.

Majlis Makan Malam (Welcoming Dinner) telah diadakan bertempat di Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Hadir ke majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Tetamu Kehormat.



MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN SAINS SUKAN DAN PERUBATAN 2024



MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN SAINS SUKAN DAN PERUBATAN 2024

Khamis, 25 April 2024 di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Syawal 1445 / 25 April 2024— Majlis Penutup Persidangan Sains Sukan dan Perubatan Brunei Darussalam 2024 telah berlangsung di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel. Persidangan yang berlangsung selama dua hari ini telah mencapai objektif dengan jayanya bersama pakar-pakar perubatan dari International Federation of Sports Medicine (FIMS) dan Asian Federation of Sports Medicine (AFSM) yang berkesempatan untuk bertukar-tukar pandangan bersama 250 peserta-peserta persidangan.

Hadir menyempurnakan majlis penutup berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Tetamu Kehormat.

PERSIDANGAN PEMIMPIN BELIA DAN MESYUARAT PEGAWAI KANAN RANTAU ASIA KOMANWEL



KUALA LUMPUR, Jumaat, 17 Syawal 1445 / 26 April 2024 – Persidangan Pemimpin Belia dan Mesyuarat Pegawai Kanan Rantau Asia Komanwel, telah diadakan pada 22 hingga 25 April 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia dihadiri oleh Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, bersama-sama dengan Pegawai Kanan Komanwel dan Perwakilan lain yang bertanggungjawab dalam pembangunan belia.

Sidang Kemuncak itu merupakan inisiatif Sekretariat Komanwel, British Council, dan Commonwealth Youth Council.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK BORNEO PULAU BERSEJARAH



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Syawal 1445 / 27 April 2024 - Majlis Perasmian Projek Borneo Pulau Bersejarah dengan tema "Sejarah Memperkasa Hubungan Seborneo" telah diadakan di Bangunan Pusat Pengkajian Borneo. Projek ini merupakan salah satu inisiatif Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO) untuk membarigakan hasil pengkajian dan penyelidikan bahan-bahan persejarahan Negara Brunei Darussalam; sejarah Kesultanan Brunei; dan juga sejarah Borneo.

Tetamu Kehormat bagi majlis ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir, Yang Mulia Penigran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan.



KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK SOSIALIS VIETNAM



BERAKAS, Isnin, 20 Syawal 1445 / 29 April 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Vietnam ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

LATIHAN TAFIS 2.0



BERAKAS, Isnin, 20 Syawal 1445 / 29 April 2024 — Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) mengumumkan bahawa mulai 1 April 2024, portal e-Invois dalam Sistem Perakaunan dan Kewangan Perbendaharaan semasa (TAFIS) akan digantikan dengan Portal Vendor Kerajaan dalam TAFIS baharu (TAFIS 2.0).

Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya juga tidak ketinggalan untuk mengikuti sesi Latihan TAFIS 2.0 yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memahami dan mempraktikkan lebih mendalam lagi penggunaan TAFIS 2.0

TASK FORCE MEETING OF THE ASIAN REGION FINANCE COMMITTEE (ARFC) ON THE ASIAN CONTRIBUTION TO THE WORLD ANTI-DOPING AGENCY (WADA) FOR 2025 AND BEYOND



BANGKOK, THAILAND, Isnin, 20 Syawal 1445 / 29 April 2024 — Task Force Meeting of the Asian Region Finance Committee (ARFC) on the Asian Contribution to the World Anti-Doping Agency (WADA) for 2025 and beyond telah diadakan pada 29-30 April 2024 bertempat di Golden Tulip Sovereign Hotel, Bangkok, Thailand.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Prof Kamal Al-Hadidi daripada Jordan dan dihadiri oleh Dr Mayumi Yaya Yamamoto, Pengarah WADA Asia/Oceania Regional Office (Tokyo), Olympia Karavasille, Timbalan Pengarah WADA Stakeholder Engagement dan Partnership serta perwakilan-perwakilan daripada Bahrain, Brunei Darussalam, China, India, Japan, Jordan, Korea, Malaysia, Qatar, Singapore, United Arab Emirates, Saudi Arabia, dan Thailand yang terdiri daripada Timbalan Menteri, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, dan Pegawai-Pegawai daripada Agensi Anti-Doping Kebangsaan (NADO). Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



سلا عيد الفطر

Selamat Hari Raya Aidilfitri 1445H
Maaf Zahir dan Batin

*Makan ketupat berkuah rendang,
Makan bersama daging salai;
Hari Raya bakal menjelang,
Dirai bersama sahabat handai.*

*Hidang dibalang bermacam kacang,
Biskut manis dan biskut suji;
Berbagai kesalahan tanpa dirancang,
Mohon dan maaf penyuci hati.*



كـمـتـرـيـن كـبـودايـان بـليـا دـان سـوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan